

Penggunaan Portal SLS Bagi Meningkatkan Bacaan Asas Murid

Nur Fadzila Abdul Kadir

nur_fadzila_abdul_kadir@schools.gov.sg

Syafiqah Rihanny Sahrom


syafiqah_rihanny_sahrom@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Jurong

Abstrak

Program bacaan ‘Seronoknya Membaca di JPS’ merupakan satu inisiatif bagi menggalakkan pembacaan yang berstruktur dan menarik dalam kalangan murid. Pengkaji berkongsi tiga tahap aktiviti membaca, iaitu prabacaan, sewaktu membaca dan pascabacaan yang menyeronokkan. Pengkaji menggunakan kaedah kecerdasan pelbagai dan menerapkan penggunaan ICT dalam program bacaan ini. Aktiviti yang melibatkan kecerdasan pelbagai ini sangat sesuai untuk murid yang baru memasuki Darjah 1 dengan tahap kepandaian membaca yang berbeza. Strategi pembelajaran kooperatif turut digunakan bagi menjalankan kerja-kerja berkumpulan dengan lebih berkesan. Program ini telah mencapai matlamat yang diharapkan yakni hampir 98% murid darjah satu boleh membaca di akhir penggal pertama.

Kata kunci: membaca, keseronokan belajar, kecerdasan pelbagai, ICT-SLS, Kahoot



PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan kemahiran penting yang harus diajarkan pada tahap awal pembelajaran. Hal ini penting agar murid dapat membaca dengan lancar. Berdasarkan pemantauan guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jurong, terdapat sebilangan murid yang masih belum boleh membaca dan mengenal abjad semasa masuk ke Darjah 1.

Pelaksanaan program ‘Seronoknya Membaca Di JPS’ adalah berasaskan kaedah kecerdasan pelbagai dengan penerapan ICT untuk membantu guru menjalankan pengajaran secara berstruktur, berkesan dan mengutamakan keseronokan pembelajaran. Guru juga harus memastikan bahan-bahan pengajaran sesuai dengan profil murid supaya dapat menarik minat murid dalam proses pembelajaran (STP, 2018). Justeru, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Pengkaji inginkan murid mahir membaca, sekali gus meningkatkan tahap keyakinan diri mereka.

Berlandaskan inisiatif Kementerian Pendidikan untuk membina kemahiran abad ke-21, membaca merupakan salah satu daripada enam kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap murid dalam proses pembelajaran. Pengkaji mendapati kaedah yang digunakan berkesan untuk membantu meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid Darjah 1.

PERNYATAAN MASALAH

Pemantauan guru beserta ujian diagnostik pada minggu pertama dan kedua dalam penggal pertama menunjukkan ramai murid Darjah 1 masih belum boleh membaca. Apa yang sangat membimbangkan ialah ada murid yang masih belum mengenal huruf dan abjad serta tidak memahami arahan mudah dalam bahasa Melayu. Namun demikian, kumpulan pengkaji sependedapat bahawa pengajaran secara latih tubi kurang berkesan dan sebaliknya membuat murid takut untuk ke sekolah. Satu pelan tindakan untuk melakarkan program menyeluruh dilancarkan bagi mengatasi masalah ini. Kesedaran tercetus untuk pengkaji mewujudkan suasana yang selesa dan selamat untuk menyemai minat dan mempertingkatkan kemahiran membaca

murid di samping menikmati pembelajaran dan memotivasi diri mereka untuk mencintai bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. mengajar murid kemahiran membaca secara berkesan melalui kaedah kecerdasan pelbagai; dan
2. meningkatkan kemahiran murid memahami perkataan dan ayat yang dibaca.

KAJIAN LEPAS

Kemahiran membaca ialah satu kemahiran asas yang penting bagi merangsang kebolehan murid membaca, berinteraksi dan memahami perkataan-perkataan yang dibaca. Perkara ini dapat dilihat dalam pernyataan Yahya et al. (2009) bahawa pelajaran membaca merupakan asas penting dalam penguasaan kognitif dan persekitaran sosial manusia. Namun demikian, bagaimanakah proses pengajaran pembacaan bermula?

Crawley dan Montain (1995), menegaskan pembacaan sebagai satu proses yang mencakupi proses visual, berfikir, psikolinguistik, metakognitif dan teknologi. Dalam hal ini, aspek terpenting dalam pengajaran pembacaan merupakan proses yang harus dilalui murid. Dari sudut yang lain pula, Tarigan (1997), berpendapat bahawa pembacaan merupakan keupayaan seseorang untuk memahami makna sesebuah bahasa, baik daripada aspek yang terkecil, yakni fonem sehingga aspek yang terbesar, yakni wacana. Meski demikian, kemampuan murid untuk membina makna dalam pelajaran yang dilalui dengan pemahaman fonologi, struktur, leksikal dan semantik berbeza antara murid ke murid.

Kemahiran asas membaca dalam kalangan murid bergantung pada kaedah pengajaran yang berkesan. Kaedah kecerdasan pelbagai dengan penerapan ICT bersesuaian dengan kemampuan dan minat murid serta



mampu memberikan impak terhadap proses pembelajaran murid.

Melalui pemantauan, guru mendapati bahawa setiap murid berbeza dari segi kemahiran, kepandaian, kecerdasan, tingkah laku dan sebagainya. Guru mendapati pengajaran secara tradisional, yakni pengajaran membaca dengan menggunakan buku asas bacaan yang dibaca berulang kali kurang berkesan dan menimbulkan tekanan kepada sesetengah murid Darjah 1.

Bagi membantu murid dalam golongan ini khususnya, teori Howard Garner, iaitu kecerdasan pelbagai telah diterapkan dalam pembelajaran. Pengkaji menerapkan kecerdasan pelbagai dalam setiap aktiviti membaca di sekolah. Pengkaji memilih pendekatan ini disertakan dengan kemudahan ICT agar murid dapat memperlihatkan potensi mereka sekiranya mereka diberi peluang. Murid akan lebih terlibat dalam proses pembelajaran berdasarkan kecerdasan pelbagai mereka kerana tentunya mereka rasa terhibur dan memahami apa yang mereka alui.

Gardner (1999) berpendapat bahawa kebijaksanaan itu pelbagai dan dinamik serta melampaui batasan linguistik dan logik yang biasa dikenali di sekolah. Dalam kajianya, *Intelligence Reframed: Multiple Intelligences for the 21st Century*, Gardner menegaskan bahawa budaya atau pun persekitaran murid lebih penting, berbanding genetik murid, dalam menjana keupayaan intelektual murid.

Bagi memastikan murid terlibat secara berkesan dalam aktiviti yang telah disediakan, pengkaji menggunakan strategi pembelajaran kooperatif. Strategi pembelajaran kooperatif merupakan suatu strategi yang terbukti berkesan dalam mengendalikan kerja berkumpulan. Dengan strategi ini, murid dapat bekerjasama dalam kumpulan kecil dengan lebih teratur.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian secara kualitatif. Dalam kajian ini, pengajaran membaca diajar secara berstruktur. Murid dikehendaki melalui tahap penyaringan (ujian diagnostik), program bacaan dengan cara kepelbagaian

dan pascaujian.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam kajian dan memberikan penekanan pada pengajaran untuk membina tahap perancangan yang diperlukan oleh murid. Bagi pelaksanaan pelajaran, kaedah kecerdasan pelbagai digunakan untuk memperkuuh kemahiran membaca murid secara berperingkat bermula dengan eka suku kata kepada suku kata tertutup.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 1 pada tahun 2019. Jumlah murid yang terlibat ialah 49 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid membaca. Tiga orang guru Darjah 1 telah menjalankan kajian ini. Aktiviti membaca telah diintegrasikan dengan kecerdasan pelbagai untuk mencungkil dan mengenal pasti kekuatan murid agar dapat melakar aktiviti yang lebih menarik dan bersesuaian bagi kecerdasan mereka.

Instrumen Kajian

1. Ujian diagnostik diadakan untuk mengenal pasti tahap kebolehan membaca murid.
2. Senarai semak dalam bentuk ‘Buku Pencapaian Bacaan JPS’ dihasilkan untuk mencatat kemajuan seseorang murid bagi setiap tahap semasa mereka mengikuti program membaca ini.
3. Murid dinilai dari segi keupayaan mengenal abjad, menyebut abjad, huruf vokal, huruf konsonan, suku kata, ayat dan teks.
4. Pascaujian diadakan untuk mengukur tahap kemajuan murid dari segi bacaan.



Jadual 1: Contoh Aktiviti-Aktiviti Bacaan Yang Dijalankan

Kecerdasan Pelbagai	Aktiviti yang dijalankan
Kecerdasan Muzik dan Kinestetik	<ul style="list-style-type: none">• Nyanyian lagu ABC• Nyanyian lagu suku kata• Murid menggunakan alat-alat lain sebagai muzik pengiring• Secara berkumpulan, murid membuat persembahan• Perkongsian di portal SLS
Kecerdasan Visual	Permainan Pemadanan – memadankan suku kata, sebutan suku kata, membaca perkataan dan seterusnya ayat menggunakan aplikasi <i>Kahoot</i> dan portal SLS.
Kecerdasan Visual dan Lingistik	<ul style="list-style-type: none">• Murid secara berkumpulan membaca untuk teman-teman dalam kelas satu perenggan pendek.• Murid beraksi sebagai pembaca berita atau murid yang membaca pengumuman di dewan sekolah.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama sepuluh minggu pada masa kurikulum Bahasa Melayu. Satu jam diperuntukkan setiap hari bagi program ini. Pembahagian murid dalam setiap kumpulan dilakukan menurut tahap kebolehan membaca murid dari data ujian diagnostik yang dijalankan. Setiap kumpulan mempunyai empat hingga lima orang murid.

Langkah 1:

Murid Darjah 1 menjalankan ujian diagnostik pada minggu pertama dan kedua penggal pertama. Murid dikehendaki menggecam huruf-huruf tertentu. Kemudian menyebut huruf-huruf vokal, konsonan, suku kata dan ayat-ayat pendek.

Langkah 2:

Murid menyanyi dan menari lagu ABC bersama-sama. Guru merakam aksi murid dan ditayangkan sebagai sumber motivasi kepada murid agar terus terangsang untuk belajar membaca.

Langkah 3:

Murid berlatih mengujarkan suku kata dengan cara menyanyi, permainan kata menggunakan kemudahan ICT. Tahap pencapaian murid dalam langkah 3 ini berbeza-beza. Penilaian yang berbentuk senarai semak dalam ‘Buku Pencapaian Bacaan JPS’ dilakukan pada setiap sesi pengajaran untuk menilai tahap keupayaan murid. Jika seseorang murid masih di langkah 3, pendekatan pembelajaran kooperatif dilaksanakan dan ini didapati berkesan.

Langkah 4:


Murid boleh membaca ayat-ayat tunggal yang pendek dalam skrip bacaan yang dilakukan dalam bentuk lakonan. Sebutan dan bacaan murid masih dipantau dan dinilai pada tahap ini.

Tahap Pascaujian:

Dalam ujian ini, item-item yang terdapat dalam ujian diagnostik ditanyakan sekali lagi. Murid diberi sijil kejayaan membaca pada tahap ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, murid telah menunjukkan keyakinan dan kebolehan membaca secara kendiri. Buku asas bacaan yang bertahap (yang diolah Cikgu Nurul Fadilah) berserta permainan-permainan dalam bentuk kad suku kata, penerapan permainan ICT, nyanyian, lakonan dan permainan *Amazing Race* untuk mencari suku kata dan perkataan dapat mengukuhkan kemahiran membaca murid.



Dalam suasana keseronokan dan keselesaan pembelajaran, pengkaji berjaya mencapai matlamat yang diharapkan. Sekurang-kurangnya 98% murid Darjah 1 mengenal abjad, membunyikan suka kata dan dapat membaca perkataan-perkataan mudah dalam buku asas. Di samping itu, guru dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan murid dengan kaedah kecerdasan pelbagai yang telah diterapkan.

Berdasarkan penilaian yang dijalankan, murid yang dinilai melalui latihan diagnostik prabacaan dalam keupayaan tahap kosong, berjaya mengenal abjad dan seterusnya membaca perkataan. Murid yang sentiasa tidak hadir ke sekolah kerana masalah-masalah keluarga tidak disertakan dalam kajian ini. Ujian pemantauan yang dijalankan pada penggal kedua membuktikan objektif kemahiran membaca melalui kaedah kecerdasan pelbagai telah tercapai.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan keberkesanan penggunaan kaedah kecerdasan pelbagai dan permainan bahasa dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Guru mendapati murid yang terlibat dalam program membaca ini menunjukkan kemajuan positif dan lebih bermotivasi dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Guru mendapati murid kelihatan seronok setiap kali aktiviti membaca dijalankan. Mereka ghairah bermain permainan membaca dan begitu bersemangat ketika sesi membaca di hadapan rakan mereka. Murid menjadi lebih yakin berbual dalam bahasa Melayu dan guru tidak perlu mengingatkan murid berkali-kali untuk menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan mereka berbanding penggal pertama.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Amilia Baba
2. Nurul Fadilah Hashim

RUJUKAN

- Armstrong, Thomas, (1994). *Multiple Intelligences in the Classroom*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Crawley, & Montain. (1995). *Language Development: An Introduction*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Gardner, H. (1993). *Multiple Intelligences: The Theory in Practice*. New York: Basic
- Gardner, H. (1999). *Intelligence Reframed: Multiple Intelligences for the 21st Century*. Michigan: University of Michigan.
- Isahak Haron, (1979), Beberapa Kaedah Mengajar Murid-Murid Membaca Bahasa Malaysia Di Peringkat Awal, Kertas Kerja di KONPEN IV, Kuantan 8-10. Disember Anjuran Persatuan Suluh Budiman, Kuantan.
- Khairudin Mohamad et al. (2015). *Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu*.
- Tarigan, H. G. (1997). *Membaca Sebagai Suatu Ketramplian Berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Idrus, Wahyu and Buntat, Yahya (2006) *Aplikasi e-learning dalam pengajaran & pembelajaran di sekolah-sekolah Malaysia : Isu dan cadangan perlaksanaannya*. Dlm: Seminar TVE06, 09-10 December 2006, Hotel Sofitel Palm Resort.

